



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**“TALKING POINT”**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SIDANG MEDIA**

**SESI MENANDATANGANI PERJANJIAN RIGHT TO OCCUPY (RTO)  
DI ATAS TANAH NO. H.S(D) 120504 PT 27088 MUKIM BATU,  
KUALA LUMPUR BAGI MENDUDUKI, MEMBINA, MENJALANKAN  
OPERASI DAN MENYELENGGARA PUSAT PENYEMBELIHAN  
AYAM HALAL BERSEPADU DI SELAYANG**

**DI ANTARA**

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**DENGAN**

**SAHIH GROUP SDN. BHD.**

---

## **PENDAHULUAN**

1. Tujuan sidang media ini diadakan adalah sebagai susulan kepada sidang media khas yang telah diadakan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkenaan dengan status projek pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu di Selayang yang mana pada hari ini, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memeterai perjanjian *Right To Occupy* (RTO) dengan pihak Sahih Group Sdn. Bhd. bagi menduduki, membina, menjalankan operasi dan menyelenggara Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu di Selayang. Jemaah Menteri juga melalui mesyuaratnya pada 7

Disember 2018 telah dimaklumkan mengenai status terkini cadangan pembangunan Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini.

## **BUTIRAN PROJEK**

2. Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu di atas Lot 80798, Jalan Selayang Baru, Mukim Batu ini merupakan satu projek rintis di Kuala Lumpur dan berbeza daripada pusat penyembelihan ayam sedia ada di pasaran kerana bangunannya direka secara tertutup, mempunyai sistem kawalan operasi yang terjamin kebersihannya serta prosedur pembersihan yang bersistematik. Bagi menyokong keperluan untuk memelihara alam sekitar khususnya kawasan sungai yang berdekatan, sebuah Loji Kumbahan Air atau *Waste Water Treatment Plant* juga akan dibina untuk memastikan pembuangan sisa cecair hasil daripada aktiviti penyembelihan dapat dikawal pada sepanjang masa.
3. Sahih Group Sdn. Bhd. telah dilantik dan diberi tanggungjawab untuk membina Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu dan seterusnya melaksanakan operasi penyembelihan ayam untuk membekalkan ayam daging halal ke pasar-pasar harian di sekitar Kuala Lumpur. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 18 bulan. Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini akan bermula pada Januari 2019 dan dijangka akan siap pada suku ketiga tahun 2020.
4. Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan mahupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sebaliknya, kos pembinaannya dibiayai oleh Sahih Group Sdn. Bhd. dengan anggaran kos sebanyak

RM16 juta di mana selepas siap projek, pihak syarikat akan menjalankan operasi penyembelihan ayam halal di tersebut.

5. Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu yang dilaksanakan melalui kaedah penswastaaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini akan dibuat serentak dengan 2 projek di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Pembinaan Semula Pasar Harian Selayang serta projek Penyuraian Trafik dan Penyambungan Jalan Selayang Baru ke Pasar Harian Selayang. Kelulusan Perintah Pembangunan projek-projek ini telah mengambil kira kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA). Sistem penyuraian trafik di kawasan tersebut akan ditambah baik dengan pelebaran jalan bagi memudahkan pergerakan kenderaan berat keluar masuk, urusan pemantauan dan penguatkuasaan serta kawalan keselamatan.
6. Selain itu, lebih 700 petak tempat letak kereta awam akan disediakan di dalam bangunan Pusat Penyembelihan Ayam Halal serta Pasar Harian Selayang yang dibina. Keperluan tempat letak kereta ini pastinya akan dapat memenuhi keperluan bukan sahaja pengunjung pasar harian yang dibina tetapi juga premis-premis perniagaan lain di sekitarnya.
7. Pembinaan serta operasi penyembelihan ayam halal ini akan dilaksanakan mengikut Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan Unggas di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta pensijilan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

8. Di samping itu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan sentiasa melaksanakan penyeliaan dan pemantauan serta membuat penyelarasan aktiviti penguatkuasaan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan lain-lain lagi bagi memastikan operasi Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini diuruskan mengikut undang-undang serta peraturan yang berkuatkuasa.

## **PENUTUP**

9. Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu yang akan dibina ini merupakan satu fasiliti moden berteknologi tinggi dan merupakan inisiatif Kerajaan untuk membantu rakyat mendapat bekalan ayam daging yang dijamin kebersihannya. Dengan wujudnya Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu ini secara langsung akan meningkatkan pengeluaran bekalan ayam daging harian di Kuala Lumpur kerana kapasiti pengeluaran Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini adalah antara 80 ribu hingga 120 ribu ekor sehari. Oleh itu, Kementerian Wilayah Persekutuan komited untuk memastikan supaya projek seumpama ini akan dapat dikembangkan dan seterusnya memberi pilihan yang terbaik kepada rakyat untuk mendapat bekalan ayam daging yang bersih, selamat dan segar.

Sekian, terima kasih.

YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad  
Menteri Wilayah Persekutuan

12 Disember 2018